

Kerajaan kaji wujudkan akta berkaitan pengurusan banjir

KUALA LUMPUR 2 April - Kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan akta khusus berkaitan pengurusan bencana banjir bagi memastikan bencana itu dapat ditangani dengan lebih baik di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim berkata, keperluan mewujudkan

akta itu juga berikutan tiada akta induk mengenai pengurusan bencana banjir di negara ini.

"Kita mempunyai lebih 70 akta berkaitan pencegahan banjir dan bencana dari segi pengurusan di bawah kementerian dan jabatan lain seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) namun tiada akta khusus menghadapi bencana itu.

"Sehubungan itu, kita akan cadangkan agar akta khusus menghadapi bencana banjir diwujudkan, lebih-lebih lagi beberapa negara jiran juga sudah pun mempunyai akta itu di negara mereka," katanya dalam sidang akhbar di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Othman Aziz (BN-Jerlun)** mengenai kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi bencana banjir di seluruh negara pada masa depan.

Razali berkata, kerajaan turut menambah baik beberapa mekanisme dalam menghadapi banjir termasuk mengemaskini peraturan berkaitan operasi pengendalian bencana itu.

Awal Januari lalu, menerusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan Timbalan Perdana

Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, beberapa perkara penting sudah dikenalpasti untuk diperbaiki dalam Prosedur Operasi Standard

(SOP) Pengendalian Bencana Banjir untuk disesuaikan bagi menghadapi bencana banjir luar biasa.


Antaranya, penambahbaikan

model ramalan dan sistem amaran awal banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Meteorologi.

Beliau menjawab soalan Shamsul Iskandar **Mohd Akin (PKR-Bukit Katil)** berhubung layanan banduan dan sama ada ia memenuhi piawaian ditetapkan United Nations Standard Minimum Rules (UNSMR).



RAZALI IBRAHIM




DISKAUN **5%** UNTUK BUMIPUTERA
• HAKMILIK KEKAL •



KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN:

- Pos Pengawal
- Club House
- Bilik Mesyuarat
- Tempat BBQ
- Kolam Renang & Jakuzi
- Sauna



大華集團
TAH WAH GROUP

Magnum City Sdn Bhd

(049907-T)

6779 Jalan Kampung Gajah 12200 Butterworth

Tel : **04-3238688 / 04-3314388**

Faks : **04-3233488**

No. Lesen Pemaju : 13040-1/06-2015/0143(L)

Tempoh Sah : 04/06/2013-03/06/2015

No. Permit Iklan : 13040-1/06-2015/0143(P)

Tempoh Sah : 04/06/2013-03/06/2015

No. Kelulusan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-09/18

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan :

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tarikh Dijangka Siap : March 2016

Jumlah Unit :

Rumah Teres 3-Tingkat (139 Unit)

(RM689,800.00 hingga RM842,800.00)

Rumah Semi-D 3-Tingkat (10 Unit)

(RM994,800.00 hingga RM1,095,800.00)